

The 11th International, Invention, Innovation & Design 2022



Ushering in the Age of Endemic

**THE 11TH INTERNATIONAL INNOVATION,
INVENTION & DESIGN COMPETITION
INDES 2022**

EXTENDED ABSTRACTS BOOK



e ISSN 2756-8733



9 772756 873009

© Unit Penerbitan UiTM Perak, 2023

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission on writing from the director of Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

No e-ISSN: e-ISSN 2756-8733



Cover Design : Nazirul Mubin Mohd Nor

Typesetting : Wan Nurul Fatimah binti Wan Ismail

EDITORIAL BOARD

Editor-in-Chief

Wan Nurul Fatimah binti Wan Ismail

Editors

Nor Hazirah Mohd Fuat

Noor Fazzriene J Z Nun Ramlan

Dr Nuramira Anuar

Dr Shazila Abdullah

Halimatussaadia Iksan

Iza Faradiba Mohd Patel

Jeyamahla Veeravagu

Mahfuzah Rafek

Nor Nadia Raslee

Nurul Nadwa Ahmad Zaidi

Peter Francis

Zarinatun Ilyani Abdul Rahman

Zarlina Mohd Zamari

The 11th International Innovation, Invention and Design Competition 2022

Organised by

*Office of Research, Industrial Linkages,
Community & Alumni Networking (PJIM&A)
Universiti Teknologi MARA Perak Branch*

and

*Academy of Language Study
Universiti Teknologi MARA Perak Branch*

MODEL KEJAYAAN SUMBANGAN DALAM TALIAN: KAJIAN KES PROGRAM ASNAF CARE

Mohd Zool Hilmie Mohamed Sawal, Nazni Noordin, Raja Alwi Raja Omar,
Nor Famiza Tarsik

Universiti Teknologi MARA Kedah Branch

Email: zoolhilmie@uitm.edu.my,

ABSTRAK

Asnaf Care yang telah diperkenalkan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) merupakan sistem kutipan dana sumbangan yang menggunakan sistem dalam talian. Salah satu tujuan Asnaf Care ini adalah untuk membantu secara khusus penerima manfaat yang layak yang terjejas oleh pandemik global COVID-19. Melalui tabung ini, LZNK mensasarkan dapat membantu 700,000 keluarga. Namun demikian, jika dilihat dari data yang dipaparkan oleh sistem Asnaf Care, kutipan adalah tidak memberangsangkan. Sehubungan dengan itu, satu kajian dijalankan untuk mengenalpasti dan menilai keberkesanan platform ini dalam mengumpul dana secara digital bagi mengurangkan kesan COVID-19 ke atas penerima yang terjejas. Hasil daripada kajian ini model baru dibangunkan untuk memahami persepsi dan pandangan masyarakat berkenaan dengan sumbangan secara dalam talian. Kajian ini menggunakan instrumen borang soal selidik. Sebanyak 250 responden untuk kajian ini disasarkan kepada mereka yang berumur 18 tahun ke atas serta terdiri daripada berbagai lapisan masyarakat.

Kata Kunci: Bank makanan, sedekah, sumbangan dalam talian, kesedaran sedekah, Asnaf Care.

1. PENGENALAN

Asnaf Care telah diperkenalkan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) pada 29 Mac 2020 dan merupakan sistem kutipan dana sumbangan yang menggunakan sistem dalam talian. Salah satu tujuan Asnaf Care adalah untuk membantu secara khusus penerima manfaat yang layak yang terjejas disebabkan oleh pandemik global COVID-19. Melalui tabung ini, LZNK mensasarkan dapat membantu 700,000 keluarga. Namun demikian, data kutipan yang dipaparkan melalui sistem Asnaf Care telah menunjukkan jumlah yang tidak memberangsangkan. Hasil sumbangan yang sangat rendah ini perlu diteliti secara serius melalui pandangan dan pendapat daripada orang ramai berkaitan dengan program Asnaf Care ini. Sehubungan dengan itu, satu kajian telah dijalankan untuk mengenalpasti dan menilai keberkesanan platform ini dalam mengumpul dana bagi mengurangkan kesan COVID-19 ke atas penerima zakat yang terjejas. Buttice et al. (2017) menyatakan projek pendanaan awam dalam talian di seluruh dunia mempunyai potensi untuk berkembang berikutan jumlah pelayar alam maya yang meningkat setiap tahun. Tambahan pula, platform-platform pendanaan awam berperanan untuk memasarkan dan menghebahkan sesuatu projek pendanaan kepada masyarakat umum (Hasan & Sulaiman 2016). Model yang dibangunkan hasil daripada kajian ini dapatlah digunakan untuk memahami pandangan orang ramai berkenaan dengan sumbangan secara dalam talian.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kaedah penyelidikan kuantitatif digunakan didalam kajian ini dimana ianya menggunakan instrumen borang soal selidik yang memfokuskan kepada golongan tenaga kerja muda berusia 18 tahun keatas. Sebanyak 250 responden dikalangan penduduk Kedah dipilih untuk kajian ini, terdiri dari pelbagai lapisan umur dan pelbagai sektor pekerjaan di seluruh negeri Kedah.

Kutipan data untuk kajian ini dilakukan melalui pengedaran borang soal selidik secara dalam talian selama enam (6) bulan kepada kumpulan sasaran. Daripada sasaran asal, hanya 221 responden sahaja yang memberikan maklumbalas lengkap dan kerjasama di dalam kajian ini. Soal selidik ini juga memberi ruang kepada responden untuk memberi lain-lain cadangan dan pendapat (soalan berbentuk “open ended”) berkaitan dengan projek “Asnaf Care” iuntuk penambahbaikan program ini.

3. DAPATAN KAJIAN

3.1 Kesedaran

Dari segi tahap kesedaran responden terhadap program Asnaf Care, hasil dapatan kajian menunjukkan majoriti masyarakat Kedah mempunyai tahap kesedaran yang rendah terhadap program ini. Begitu juga kewujudan kempen Asnaf Care yang kurang diketahui masyarakat negeri Kedah. Penyampaian maklumat berkenaan dengan program ini melalui masjid juga kurang berkesan dan perlu dipertingkatkan lagi untuk umum mengetahui berkenaan dengan program Asnaf Care ini.

3.2 Penerimaan

Tahap penerimaan konsep yang digunakan untuk mengumpul dana ini sangat bagus kerana ia memudahkan sedekah di kalangan rakyat Malaysia terutama sekali penduduk negeri Kedah.

3.3 Keutamaan Pilihan

Kepelbagaian platform dan media baru seperti Instagram, Facebook perlu dibuat untuk mempromosikan program Asnaf Care dengan memberi informasi yang berkesan mengenai kesampaian sumbangan mereka dan cara pengagihan sumbangan mereka kepada masyarakat yang memerlukan.

3.4 Faktor – Faktor Sumbangan

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi masyarakat untuk menderma antaranya adalah promosi yang baik, penerangan yang jelas, bentuk sumbangan yang disenaraikan oleh LZNK dan kesedaran untuk bekalan akhirat. Seterusnya sumbangan yang dibuat dikira sebagai zakat pendapatan juga mempengaruhi responden untuk menyumbang kepada tabung Asnaf Care.

3.5 Amalan Penggunaan Web

Laman sesawang Asnaf Care dibangunkan dengan konsep mesra pengguna. Laman web Asnaf Care ini mudah digunakan oleh masyarakat untuk menyumbang secara dalam talian. Sekiranya laman web ini dipromosikan dengan baik dan diketahui oleh masyarakat umum khasnya rakyat negeri Kedah, hasil sumbangan boleh dipertingkatkan lagi.

4. KESIMPULAN

Hasil dapatan daripada kajian yang dibuat, menunjukkan rakyat negeri Kedah mempunyai kesedaran yang tinggi untuk menyumbang samada dalam bentuk wang ringgit atau barangan dalam membantu sesama manusia. Namun demikian, hasil kutipan yang rendah untuk program Asnaf Care ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya adalah promosi yang kurang mencukupi, sekaligus menyebabkan rakyat negeri Kedah tidak mendapat maklumat yang jelas berkenaan dengan program ini.

Untuk kejayaan sesuatu dana sumbangan dalam talian, selain dari promosi secara meluas dan mencakupi pelbagai platform, samada secara konvensional atau media baru, kepelbagaian platform untuk menyumbang haruslah juga disediakan kepada penyumbang, contohnya melalui Facebook, Instagram, Tik Tok dan lain-lain lagi. Laman sesawang program kutipan dana dalam talian juga harus di sebarluaskan kepada masyarakat umum supaya hasil sumbangan dapat dipertingkatkan lagi.

Model baru ini dihasilkan supaya dapat digunakan sebagai garis panduan asas untuk kajian pada masa hadapan. Model ini dapat dikembangkan lagi untuk mengenalpasti keberkesanan platform sumbangan secara dalam talian yang lain dimana sumbangan dibuat tanpa tunai dengan mengadaptasi platform dalam arus teknologi kewangan terkini.

RUJUKAN

- Butticè, V., Colombo, M.G. & Wright, M. (2017). Serial crowdfunding, social capital and project success. *Entrepreneurship Theory and Practice (ETP)* 41(2): 183-207.
- Hasan, A. & Sulaiman, S. (2016). Pelaburan secara pengumpulan dana masyarakat dan isu-isu syariah yang berkaitan. *Jurnal Muamalat* 9: 23-36

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

nar

Setuju.

27.1.2023

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR